

Tarik balik gelar UMNO kafir'

**Pesanan Tun M
kepada Hadi
Awang sebelum
UMNO dan Pas
meterai piagam
kerjasama**

ROSLINDA HASHIM

ALOR SETAR

Pas perlu menarik balik kenyataan yang melabelkan UMNO sebagai kafir sebelum kedua-dua parti itu memeterai piagam kerjasama dengan UMNO.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, amanat Datuk Seri Abdul Hadi Awang masih relevan kecuali Presiden Pas itu membuat kenyataan rasmi memohon maaf terhadap UMNO.

Beliau berkata, sekiranya Pas tidak menarik balik gelaran itu bermakna parti itu juga disifatkan kafir kerana menjalin kerjasama dengan UMNO yang dilabel sebagai kafir

#HPU914

sebelum ini.

"Pas tidak pernah menarik balik kenyataan itu. Masih ada amanat Hadi kata UMNO kafir. Kenyataan itu belum ditarik balik sehingga kini. Kalau Pas tidak mahu jadi kafir, buatlah kenyataan kami minta maaf kerana pernah kata UMNO kafir tapi sekarang mereka dah insaf.

"Tarik balik secara rasmi, barulah adakan piagam," kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Padi peringkat kebangsaan di sini semalam.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai merujuk Piagam Muafakat Nasional antara UMNO dan Pas yang bakal dimeterai di Pusat Dagangan Dunia

Putra (PWTC) di Kuala Lumpur Sabtu ini.

Program dua hari itu bakal menyaksikan kedua-dua parti menandatangani piagam kerjasama untuk menjaga kepentingan orang Melayu dan Islam.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) berkata, kerjasama antara UMNO dan Pas tidak memberi sebarang makna.

"Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pun tidak hentikan peperangan, apatah lagi piagam UMNO dan Pas. Tidak akan jadi apa kerjasama itu," katanya.



DR MAHATHIR